

Jenis Ayat



Nota Pintar

Terdapat **empat** jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.

Keterangan	Ayat Contoh
Ayat penyata ialah ayat keterangan untuk menerangkan sesuatu cerita.	Budak-budak itu bermain bola keranjang.
Ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu perkara dan diakhiri dengan tanda soal (?).	Di manakah rumah kamu?
Ayat perintah ialah ayat yang digunakan untuk menyuruh atau melarang seseorang berbuat sesuatu.	Jangan duduk di situ.
Ayat seruan ialah ayat yang menerangkan perasaan seseorang seperti terkejut, kagum, hairan dan sebagainya. Ayat seruan diakhiri dengan tanda seru (!).	Wah, cantiknya baju kamu!



Betul atau Salah?

Tandakan (✓) bagi ayat yang betul dan (X) bagi ayat yang salah berdasarkan jenis ayat yang diberi.

- Ayat penyata**
 - Amboi, cantiknya jam tangan yang kamu pakai! ()
 - Beribu-ribu orang penyokong datang ke Stadium Larkin. ()
- Ayat perintah**
 - Jangan bermain selagi kamu tidak menyiapkan kerja sekolah. ()
 - Aduh, sakit sungguh kepala saya! ()
- Ayat tanya**
 - Adakah kamu sudah menghantar buku latihan kepada Cikgu Lam? ()
 - Sila beratur di luar kelas untuk menyanyikan lagu Negaraku. ()